

# UMP tawar 30 biasiswa ijazah sarjana dan ijazah kedoktoran

Warga negara Malaysia dan individu luar negara yang bekelayakan dipelawa memohon biasiswa yang ditawarkan Universiti Malaysia Pahang (UMP) bagi pembiayaan pengajian peringkat sarjana dan kedoktoran di universiti berkenaan.

Dekan Pusat Pengajian Siswazah (PPS), Jabatan Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa (JHEAA) UMP, Profesor Dr. Mohd Ridzuan Nordin berkata sebanyak 30 biasiswa ditawarkan kepada mereka yang layak untuk mengikuti program penyelidikan sepenuh masa.

“Bagi program peringkat sarjana, setiap pelajar ditawarkan biasiswa berjumlah RM40,000, manakala RM90,000 untuk ijazah kedoktoran (Ph.D) bagi tempoh pengajian antara satu setengah tahun dan dua tahun.

“Ahli Lembaga Pengarah universiti komited melahirkan graduan peringkat ijazah sarjana dan Ph.D bagi memenuhi keperluan sumber manusia negara serta keperluan industri yang semakin berkembang di negara ini,” selepas menyampaikan taklimat pada program Hari Terbuka Pengajian Siswazah di UMP pada 1 April 2009 yang lalu.

Seramai 150 peserta terdiri daripada pelajar tahun akhir UMP dan pensyarah institusi pengajian tinggi (IPT) sekitar daerah ini menyertai program berkenaan.

Beliau berkata, Pusat Pengajian Siswazah menawarkan 18 program peringkat sarjana dan 16 program kedoktoran menerusi tujuh fakultinya.

Katanya, kebanyakan graduan lepasan ijazah sarjana muda tidak berminat melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana kerana dipengaruhi suasana persekitaran dan beban kewangan.

“Kita mahu menggalakan mereka meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi kerana peluang mengikuti program ijazah sarjana dan PhD sentiasa ada dan bantuan kewangan diberikan,” katanya.

Beliau berkata, UMP sedang menuju ke arah konsep Universiti Berfokus dan berharap dapat melahirkan 50 graduan peringkat sarjana setiap tahun.

